

NO. SOALAN: 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

TARIKH : 21 MEI 2015

RUJUKAN : 7883

SOALAN:

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini mengenai anasir-anasir pro ISIS di kalangan Pasukan Keselamatan Bersenjata dan orang awam Malaysia, serta orang asing yang telah dikesan, disiasat dan ditangkap setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan yang di-Pertua,

Sehingga 7 Mei 2015, seramai 107 orang yang terlibat dengan kegiatan kumpulan militan *Islamic State* (IS) telah ditahan oleh pihak polis. Daripada jumlah tersebut, seramai 44 orang telah dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA, 16 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 atau POCA, 34 orang telah dibebaskan dan baki 13 orang lagi telah diusir keluar Malaysia. Di sini saya tidak berhasrat untuk mendedahkan penglibatan anggota Pasukan Keselamatan Bersenjata dan orang awam Malaysia yang terlibat dalam kegiatan ini kerana boleh menjejaskan siasatan pihak polis.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah statistik 107 orang yang telah ditahan itu adalah merangkumi 91 orang rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan manakala 16 orang lagi adalah merupakan warganegara asing.